

# Penguatkuasaan Undang-Undang Perkahwinan Kanak-Kanak Islam di Selangor Selepas Pindaan Undang-Undang Keluarga Islam 2003 (Pindaan 2018): Implikasi dan Cabaran

## *Enforcement of law on Islamic Child Marriage in Selangor after the Amendment of the Islamic Family Law 2003 (Amendment 2018): Implications and Challenges*

Mumtazah Narowi<sup>1</sup>, Siti Amalina Ahmad Khairuddin<sup>2</sup>, Zarul Izham Jaapar<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup>Jabatan Pengajian Umum & Bahasa, Universiti Selangor, Selangor, Malaysia;

<sup>3</sup>Jabatan Pendakwaan Syariah, Negeri Sembilan, Malaysia.

### Progres Artikel

Diterima: 01 June 2022

Disemak: 23 July 2022

Diterbit: 1 September 2022

### \*Perhubungan Penulis:

Mumtazah Narowi, Jabatan Pengajian Umum & Bahasa, Universiti Selangor, Selangor, Malaysia;  
Email: azah83my@unisel.edu.my

**Abstrak:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah melaksanakan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur yang masih dikategorikan sebagai kanak-kanak. Menurut UNICEF, Artikel 5 dalam *The United Nations Convention on the Rights of the Child* (UNCRC) memperuntukkan bahawa kanak-kanak adalah di bawah tanggungjawab, hak dan tugas ibu bapa untuk menyediakan arah tuju dan panduan yang sewajarnya kepada mereka. Di Malaysia, perkahwinan kanak-kanak Islam merupakan bidangkuasa negeri dalam menyediakan peruntukan dan memberi kebenaran untuk berkahwin di bawah umur. Negeri Selangor merupakan negeri pertama yang membuat pindaan undang-undang terhadap had umur kanak-kanak Islam untuk berkahwin selepas berlakunya satu isu perkahwinan kanak-kanak di Malaysia. Justeru, kajian ini membincangkan tentang penguatkuasaan undang-undang terhadap perkahwinan kanak-kanak Islam di Selangor selepas pindaan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2003 (Pindaan 2018). Kajian ini juga turut membincangkan implikasi dan cabaran selepas pindaan undang-undang tersebut. Kajian ini menggunakan data kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan. Kajian eksplorasi dan induktif ini menganalisis data primer dan sekunder seperti peruntukan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor, laporan-laporan kes dan artikel akademik. Kajian ini mendapati bahawa penguatkuasaan undang-undang yang baharu memberi jaminan kebajikan, perlindungan dan pendidikan kepada kanak-kanak tersebut. Implikasi pindaan ini, beberapa buah negeri terlibat dalam pindaan undang-undang berkaitan perkahwinan kanak-kanak Islam. Beberapa badan di bawah kerajaan Negeri Selangor juga turut terlibat dalam menyediakan saluran perkhidmatan sokongan, kursus dan seminar kekeluargaan dan nasihat secara percuma.

**Kata kunci:** kanak-kanak, perkahwinan, perlindungan.

**Abstract:** *The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWK) has implemented the National Strategic Plan in Handling the Causes of Child Marriage involving those who are still categorized as children. According to UNICEF, Article 5 of The United Nations Convention on the Rights of the Child (UNCRC), parents are responsible for providing their children with appropriate direction and guidance. In Malaysia, the marriage of Muslim children is within the state jurisdiction in giving the legal provisions and granting permission for underage marriage. Selangor is the first state to amend the minimum legal age for Muslim marriages after*

*several issues of child marriages have occurred in Malaysia. Thus, the objective of this study is to discuss the law enforcement on Muslim child marriages in Selangor after the amendment of the Islamic Family Law Enactment 2003 (Amendment 2018). This study also explores the implications and challenges encountered after the amendment of the enactment. This qualitative study examined the data collected by referring to primary and secondary sources from Islamic statutory concerning underage marriages such as the Selangor Islamic Family Law Enactment, related case reports and other relevant academic literature. An exploratory and inductive qualitative approach was used to fulfil the objectives of this study. The findings indicate that the enforcement of the new enactment guarantees children's welfare, protection, and education. This amendment implies that several states are now involved with the amendments of their enactment/act related to the marriage of Muslim children. Several bodies under the Selangor State government are also involved in providing free family support services, courses and seminars and advice.*

**Keywords:** *Children, marriage, protection.*

## Pengenalan

Perkahwinan kanak-kanak di Malaysia merupakan suatu isu yang tidak asing lagi diperbincangkan dalam kalangan masyarakat. Terdapat pelbagai pandangan serta persepsi apabila menyentuh berkaitan dengan isu ini. Isu utama yang biasanya diberikan perhatian ialah berkaitan dengan kewajaran dibenarkan oleh undang-undang bagi golongan kanak-kanak ini berkahwin. Mereka dikahwinkan pada usia yang sangat mentah atas desakan beberapa faktor yang semakin membimbangkan.

Menurut Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal dan Mohd Al Adib Samuri, empat faktor telah dikenalpasti penyebab utama perkahwinan kanak-kanak iaitu pendapatan isi rumah yang rendah, kekurangan intervensi sokongan ibu bapa, kekurangan akses kepada pendidikan dan kekurangan pendidikan kesihatan reproduktif seksual (SRH) (Bernama, 2018). Namun, terdapat 6 faktor perkahwinan kanak-kanak yang telah digariskan dalam Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur iaitu pendapatan yang rendah dan kemiskinan, kekurangan atau ketiadaan pendidikan kesihatan reproduktif seksual (SRH) dan kemahiran keibubapaan, kekurangan akses kepada pendidikan dan kehadiran ke sekolah yang rendah, norma masyarakat menjadikan perkahwinan bawah umur sebagai pilihan terbaik untuk menyelesaikan masalah, perundangan yang longgar bagi permohonan berkahwin di bawah 18 tahun dan penyelarasan data perkahwinan dan perceraian bawah umur yang tidak komprehensif. (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2020).

Jika dilihat dari data yang dibentang oleh Kementerian, kebanyakan kanak-kanak yang berkahwin awal ini adalah mereka dari golongan kelas B40. Namun, perkara yang secara tidak langsung akan berlaku jika kanak-kanak ini dikahwinkan ialah impak sosio ekonomi ke atas perkahwinan serta kualiti keibubapaan yang akan terhasil dalam kalangan wanita pada masa akan datang. Walaupun tidak ada umur minima perkahwinan di bawah hukum syarak (bagi yang beragama Islam), namun kesediaan kanak-kanak itu untuk berkahwin perlu diambil kira terutama dari segi pengurusan diri serta ilmu perkahwinan.

Sehubungan dengan itu, beberapa negeri di Malaysia telah mengkaji semula peruntukan undang-undang sedia ada yang berkaitan had umur minimum berkahwin bagi kanak-kanak. Peruntukan asal bagi perkahwinan kanak-kanak secara dasarnya adalah dibenarkan setelah mendapatkan kebenaran daripada Ketua Menteri atau Menteri Besar dan Hakim Syarie. Perincian yang lebih jelas dan spesifik diperlukan dalam memberi kebenaran kepada kanak-kanak untuk berkahwin di bawah umur demi menjaga kemaslahatan mereka.

## Definisi Perkahwinan Kanak-kanak

Definisi perkahwinan kanak-kanak (*child marriage*) menurut Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) ialah sesuatu perkahwinan formal atau penyatuan tidak rasmi antara anak yang berumur di bawah 18 tahun dengan orang dewasa atau kanak-kanak lain yang belum mencecah usia

18 tahun (UNICEF, 2021). Di Malaysia, seksyen 2 Akta Umur Dewasa 1971 telah menetapkan bahawa umur belum dewasa bagi lelaki dan perempuan terhad kepada 18 tahun. Oleh itu, takrifan kanak-kanak adalah seperti yang termaktub dalam seksyen 2, Akta Kanak-kanak 2001 iaitu seseorang yang berumur bawah 18 tahun.

Isu perkahwinan adalah perbincangan berkenaan perpindahan tanggungjawab. Artikel 3 dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) memperuntukkan penyerahan atau perpindahan kuasa penjagaan dan pendidikan daripada sebuah keluarga kepada pihak kerajaan, sekiranya ibu atau bapa atau penjaga gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Perkara ini juga boleh terjadi apabila ibu bapa atau penjaga membuat permohonan kepada mahkamah untuk urusan perkahwinan di bawah umur. Walau bagaimanapun, Artikel 3 (CRC) ini perlu dibaca bersama Artikel 5 (CRC) yang memperuntukkan bahawa kerajaan hendaklah menghormati tanggungjawab, hak dan tugas ibu bapa untuk menyediakan arah tuju dan panduan yang sewajarnya kepada anak-anak mereka. Ini menunjukkan, meskipun mahkamah mempunyai bidang kuasa tertentu dalam penentuan atau kebenaran berkahwin seorang kanak-kanak, namun kanak-kanak tersebut masih terikat dari sudut pewalian di bawah tanggungan ibu atau bapa.

### Had Umur Perkahwinan Kanak-Kanak Menurut Perundangan Islam Di Malaysia

Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 merupakan suatu peruntukan tentang perkahwinan dan perceraian bagi orang bukan Islam. Undang-undang tersebut merupakan bidang kuasa Parlimen dalam menggubal dan meminda undang-undang seperti yang dinyatakan dalam Perkara 74(1), Perlembagaan Persekutuan. Manakala Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bidang kuasa bagi perkahwinan dan perceraian orang Islam di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Negeri seperti yang dinyatakan dalam Senarai II Senarai Negeri (Hashim et al., 2019).

Peruntukan had umur minimum perkahwinan kanak-kanak orang bukan Islam dinyatakan dalam seksyen 10, Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 iaitu umur 18 tahun ke atas bagi lelaki dan 18 tahun ke atas bagi perempuan. Walau bagaimanapun, bagi seorang kanak-kanak perempuan yang telah berumur 16 tahun, boleh mendapat kebenaran dari Ketua Menteri bagi suatu pengupacaraan perkahwinan menurut subseksyen 21(2) akta yang sama.

Had umur minimum perkahwinan bagi orang Islam adalah berbeza mengikut negeri seperti yang dinyatakan dalam Akta/Enakmen/Ordinan Negeri di

Malaysia. Sekiranya suatu pengupacaraan perkahwinan ingin dilakukan terhadap kanak-kanak bawah umur, hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran dari Mahkamah Syariah. Had umur minimum perkahwinan mengikut negeri dinyatakan dalam jadual berikut.

**Jadual 1: Had Umur Minimum Perkahwinan Mengikut Negeri di Malaysia.**

Negeri	Lelaki	Perempuan
Selangor	18	18
Wilayah Persekutuan	18	16
Kelantan	18	16
Terengganu	18	16
Kedah	18	16
Perlis	18	16
Pahang	18	16
Pulau Pinang	18	16
Melaka	18	16
Negeri Sembilan	18	16
Johor	18	16
Sarawak	18	16
Sabah	18	16

Had umur berkahwin dalam jadual 1 adalah yang terkini selepas beberapa negeri membuat pindaan had umur berkahwin. Selangor adalah negeri pertama yang telah membuat pindaan had umur berkahwin bagi orang Islam iaitu perkahwinan seorang perempuan dari had umur 16 tahun kepada had umur 18 tahun (Zaini, 2018). Manakala negeri lain seperti Wilayah Persekutuan masih lagi dalam pindaan undang-undang. Terdapat juga beberapa negeri bersetuju dengan cadangan pindaan had umur berkahwin kepada 18 tahun (Jiffar et al., 2019).

### Perkahwinan Kanak-Kanak Dalam Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor (Pindaan) 2018

Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan bawah umur yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertujuan untuk menangani enam faktor yang merupakan punca berlakunya perkahwinan bawah umur. Ia merangkumi beberapa program dan tindakan pelbagai sektor seperti perundangan, keibubapaan, sistem sokongan sosial, pendidikan, kesihatan dan kesedaran (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, 2020). Pelan yang dilaksanakan bagi tempoh lima tahun ini iaitu dari tahun 2020 hingga 2025 mendapat sambutan baik dari kerajaan negeri Selangor terutama dalam menangani perkahwinan bawah umur yang masih dikategorikan sebagai kanak-kanak.

Menurut kajian Saim et al. (2018) terhadap remaja di Kuching, Sarawak, seseorang yang berkahwin pada usia remaja sangat memerlukan pertolongan dari pelbagai pihak terutama ibu bapa dan rakan-rakan serta masyarakat agar tidak menjadi stigma kerana berkahwin pada umur yang muda. Kanak-kanak perempuan yang

berkahwin sebelum berumur 18 tahun juga lebih cenderung untuk mengalami masalah keganasan rumah tangga dan kecenderungan untuk tidak bersekolah. Ia turut memberi kesan kepada kesihatan kanak-kanak tersebut terutama yang hamil pada usia muda. Risiko komplikasi semasa kehamilan agak tinggi bagi mereka termasuk bayi yang dikandungnya (UNICEF, 2021).

Terdapat juga satu kajian terhadap pembinaan model baru untuk tadbir urus perkahwinan bawah umur bagi yang beragama Islam dengan mengambil kira sistem perundangan Islam yang sedia ada. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat beberapa kelemahan yang ketara terhadap sistem tadbir urus yang melibatkan perkahwinan bawah umur (Saidon et al., 2015). Dalam isu perkahwinan kanak-kanak di Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah telah bertitah supaya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menyelaraskan had umur minimum perkahwinan bagi orang Islam lelaki 18 tahun dan perempuan daripada 16 tahun kepada 18 tahun. Baginda juga telah memandang serius terhadap kes-kes yang melibatkan pernikahan kanak-kanak Islam pada usia yang muda dan bimbang risiko kemudaratan masa hadapan akan berlaku kepada pasangan terbabit. Baginda juga telah mencadangkan beberapa peruntukan lain supaya dipinda dan ditambahbaik dari aspek prosedur dan proses kebenaran untuk berkahwin bagi suatu perkahwinan kanak-kanak Islam di Mahkamah Syariah (Bernama, 2018)

### **Peruntukan Perkahwinan Kanak-kanak Islam Negeri Selangor sebelum Pindaan.**

Sebelum pindaan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (EUKIS) 2003, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) telah merekodkan jumlah Permohonan Kebenaran Nikah Bawah Umur bagi orang Islam yang didaftarkan di negeri ini dalam tempoh 2015 hingga 2017 adalah sebanyak 245 kes. Daripada jumlah tersebut sebanyak 221 permohonan diluluskan oleh mahkamah, manakala yang selebihnya dibuang, ditolak atau pemohon menarik semula permohonan mereka (Data diperoleh daripada laporan bertulis yang dibentangkan oleh Y.B. Puan Lim Yi Wei dalam Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Tahun 2018 pada 3 September 2018 hingga 7 September 2018.). Data permohonan perkahwinan adalah seperti dalam jadual berikut.

**Jadual 2: Data permohonan perkahwinan bawah umur di Selangor**

BIL	STATUS/TAHUN	2015	2016	2017	JUMLAH
1.	Lulus Permohonan	85	66	70	221
2.	Batal/Buang Pemohonan	6	5	13	24
Jumlah		91	71	83	245

Permohonan perkahwinan ini adalah berdasarkan peruntukan had umur minimum yang telah ditetapkan oleh negeri Selangor sebelum ini. Menurut Seksyen 8 EUKIS 2003, memperuntukkan bahawa:

*“Tiada sesuatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah Enakmen ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu.”*

Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, seorang kanak-kanak lelaki dan perempuan boleh dibenarkan untuk suatu pengupacaraan perkahwinan dengan persetujuan atau kebenaran bertulis dari Hakim Syarie. Sekiranya pernikahan tersebut tidak mendapat kebenaran Hakim Syarie atau pihak mahkamah, ia dianggap telah melakukan suatu kesalahan seperti yang diperuntuk dalam seksyen 40(2) EUKIS 2003.

### **Peruntukan Perkahwinan Kanak-kanak Islam Negeri Selangor selepas Pindaan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2018.**

Negeri Selangor merupakan negeri pertama yang membuat pindaan had umur minimum perkahwinan dan telah dikuatkuasakan pada 18 Mac 2019. Selain pindaan EUKIS 2003 (pindaan 2018), Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 turut dipinda bagi menyelaraskan prosedur dan proses permohonan tersebut. Bilangan perkahwinan bawah umur yang didaftarkan sejak penguatkuasaan undang-undang tersebut sehingga Julai 2020 adalah sebanyak 69 kes (Data diperoleh daripada laporan yang dibentangkan oleh Y.B. Tuan Mohd Najwan Bin Halimi dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Tahun 2020 pada 13 Julai 2020 - 16 Julai 2020.). Pindaan undang-undang ini wujud disebabkan terdapat implikasi perkahwinan bawah umur yang lebih memberikan kemudaratan kepada kanak-kanak terutama dari aspek kesihatan dan pendidikan (Nik Wajis et al., 2020).

Pindaan seksyen 8 EUKIS 2003 [*Enakmen No.2 tahun 2003*], yang disebut “Enakmen Ibu”, telah dipinda dengan memasukkan beberapa peruntukan undang-undang yang baharu yang melibatkan had umur minimum berkahwin dan proses permohonan untuk berkahwin bagi lelaki dan perempuan yang berumur kurang dari 18 tahun. Bagi pindaan undang-undang ini, enakmen ini dinamakan sebagai EUKIS (Pindaan) 2018.

Pindaan had umur minimum berkahwin bertujuan menjaga kemaslahatan semasa bagi memastikan kebajikan kanak-kanak perempuan di bawah

lapan belas tahun itu dipelihara. Pindaan ini selaras dengan tafsiran kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak 2001. Seksyen 8 enakmen ini telah dipinda dengan menggantikan perkataan:

*“Jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun” dengan perkataan “jika lelaki atau perempuan itu berumur kurang daripada lapan belas tahun”*

EUKIS 2018 telah memasukkan seksyen baharu iaitu seksyen 8A yang menggantikan subseksyen 18(2) Enakmen Ibu. Peruntukan baharu ini adalah berkaitan tentang permohonan untuk berkahwin bagi lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun. Proses permohonan bagi perkahwinan ini bukan sahaja memerlukan kepada kebenaran Hakim Syarie malah, perlu melepasi seluruh syarat-syarat permohonan sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam seksyen tersebut. Seksyen 8A(1) telah memperuntukkan bahawa setiap permohonan untuk berkahwin bagi lelaki dan perempuan yang berumur kurang daripada 18 tahun perlulah menyediakan suatu notis permohonan melalui ibu atau bapa atau penjaganya berserta affidavit bakal isteri ataupun suami. Butir-butir permohonan dan affidavit tersebut dinyatakan secara detil dalam seksyen 8A(2).

Setelah mahkamah menerima sesuatu permohonan berdasarkan seksyen 8A(1) EUKIS 2018, mahkamah mempunyai bidang kuasa menurut seksyen 8A(3) EUKIS 2018 untuk mengarahkan lelaki atau perempuan yang berumur kurang 18 tahun itu supaya mengemukakan laporan yang diperlukan. Pihak mahkamah juga mempunyai bidang kuasa untuk memanggil pihak yang berkaitan seperti Pegawai Kebajikan Masyarakat, Pegawai Kesihatan dan Polis Diraja Malaysia supaya hadir ke Mahkamah untuk memberikan keterangan tentang permohonan tersebut. Mahkamah juga boleh memanggil mana-mana pihak sekiranya perlu dalam memberikan keterangan tentang permohonan perkahwinan itu (Seksyen 8A(4)(5)(6)EUKIS 2018). Pihak mahkamah juga akan mengutamakan kebajikan lelaki dan perempuan yang berumur kurang dari 18 tahun itu supaya perkahwinan tersebut tidak mendatangkan kemudaratan (Seksyen 8A(7) EUKIS 2018). Mahkamah juga boleh memberikan kebenaran untuk berkahwin setelah berpuas hati dengan semua kehendak yang telah dinyatakan dalam seksyen 8A ini. Pihak mahkamah juga boleh memerintahkan lelaki atau perempuan yang berumur kurang dari 18 tahun itu untuk menghadiri sesi atau program yang berbentuk kekeluargaan (Seksyen 8A(8) EUKIS 2018).

Pindaan undang-undang ini juga telah memberikan kuasa kepada mahkamah untuk mengeluarkan perintah pembayaran nafkah oleh suami kepada perempuan yang berumur kurang 18 tahun itu selepas berlakunya perkahwinan tersebut. Mahkamah juga boleh mengeluarkan apa-apa perintah yang wajar demi kebajikan lelaki atau perempuan tersebut (Seksyen 8A(9) EUKIS 2018).

Justeru, penambahan seksyen 8A dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2018, memberikan laluan kepada pindaan Enakmen Tatacara *Mal* Syariah (Negeri Selangor) 2003 dengan penambahan seksyen 7A yang berhubung dengan suatu permohonan bagi perkahwinan lelaki dan perempuan yang berumur kurang dari 18 tahun. Enakmen ini boleh disebut sebagai Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2018.

### **Implikasi & Cabaran Pelaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2018 Terhadap Perkahwinan Kanak-Kanak**

Perkahwinan kanak-kanak yang kian berleluasa membawa kepada pelbagai jenis isu, bukan sahaja dari aspek sosial tetapi juga kesihatan. Ia turut melibatkan isu hak asasi kanak-kanak tersebut dan hak pendidikan. Isu kesihatan pula melibatkan kesan tersisih daripada masyarakat, depresi, jangkitan penyakit seksual selain daripada terdedah kepada pelbagai risiko semasa mengandung dan melahirkan anak (Nik Wajis et al., 2020). Walaupun pelbagai polisi dan penggubalan undang-undang telah dibangunkan dan dilaksanakan untuk melindungi kanak-kanak daripada perkahwinan bawah umur, namun, tiada polisi yang jelas telah digariskan untuk membantu kanak-kanak bawah umur yang telah berkahwin apabila mereka mengalami cabaran seperti perceraian, hilang punca pendapatan, penderaan dan kematian suami menjadikan mereka bagaikan hilang tempat bergantung.

Meskipun wujud had umur minimum dalam peruntukan negeri yang sedia ada, namun undang-undang tersebut dilihat tidak relevan untuk diaplikasikan merujuk kepada implikasi perkahwinan di bawah umur yang lebih memberi kemudaratan kepada kanak-kanak terutamanya dari sudut kesihatan dan pendidikan. Dari sudut implikasi undang-undang, pindaan had umur minimum perkahwinan kanak-kanak di negeri Selangor kepada kanak-kanak perempuan daripada umur 16 tahun kepada 18 tahun akan memberikan suatu perubahan baharu kepada undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Beberapa negeri di Malaysia akan turut sama dalam membuat pindaan had umur minimum perkahwinan.

Wilayah Persekutuan merupakan antara negeri yang masih dalam proses pindaan undang-undang tersebut. Walau bagaimanapun, perkahwinan kanak-kanak bawah umur juga menjadi salah satu penyumbang kepada statistik perkahwinan tanpa kebenaran mahkamah kerana pasangan yang bernikah tidak mahu melalui prosedur yang telah ditetapkan oleh mahkamah (Angkashah, 2019). Walaupun pindaan undang-undang ini dibuat bagi menjamin kemaslahatan kanak-kanak tersebut, namun menjadi suatu cabaran apabila prosedur yang diperketatkan menyukarkan sesetengah pihak untuk melalui proses tersebut dan mengambil jalan mudah untuk bernikah tanpa kebenaran mahkamah.

Dari sudut implikasi sosial, suatu jaminan perlindungan dan pendidikan akan diberikan kepada pasangan yang bernikah di bawah umur 18 tahun seperti yang dinyatakan dalam EUKIS 2018 dan mana-mana peruntukan yang berkaitan di Negeri Selangor. Dalam membenarkan suatu perkahwinan, pihak mahkamah akan mengambil kira kebajikan pasangan tersebut sama ada perkahwinan itu perlu diteruskan ataupun tidak sekiranya perkahwinan tersebut mendatangkan kemudharatan (Seksyen 8A(9), EUKIS 2018). Badan-badan kerajaan di negeri Selangor telah bersedia memberikan perkhidmatan sokongan dan bantuan kebajikan seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan lain-lain. Badan-badan ini menyediakan perkhidmatan nasihat secara percuma serta menyediakan seminar berkaitan kekeluargaan dan bantuan bagi yang layak menerima bantuan di bawah LZS. Bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan Negeri Selangor adalah selaras dengan kehendak UNICEF dalam menjaga kebajikan kanak-kanak tersebut (Data diperoleh daripada laporan yang dibentangkan oleh Y.B. Tuan Mohd Najwan Bin Halimi dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Tahun 2020 pada 13 Julai 2020 - 16 Julai 2020). Walaupun pindaan undang-undang terhadap perkahwinan kanak-kanak di negeri Selangor telah dikuatkuasakan, cabaran utama yang perlu dihadapi adalah sudut kebajikan kanak-kanak tersebut sekiranya berlaku penderaan dan perceraian atau kematian suami yang menjadikan mereka hilang tempat bergantung. Satu polisi boleh dicadangkan untuk diadakan bagi menjaga kebajikan kanak-kanak yang terlibat dengan permasalahan tersebut.

## Kesimpulan

Pindaan undang-undang perkahwinan kanak-kanak Islam yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Selangor merupakan suatu mekanisme baharu dalam memperkasakan sistem undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Walaupun suatu perkahwinan kanak-kanak ini tidak digalakkan oleh perundangan namun ia masih

berdasarkan prinsip *siyasa syar'iyah* yang menjaga kepentingan masyarakat di bawah hukum syarak. Perincian peruntukan yang dinyatakan dalam EUKIS 2018, menunjukkan bagaimana mekanisme undang-undang dan pentadbiran yang berkaitan dengan perkahwinan kanak-kanak bertambah baik dan seterusnya membantu pihak berkuasa atau institusi berkaitan yang terlibat dalam pembuatan dasar berkaitan dengan urusan keluarga dan pelaksanaannya.

## Rujukan

- Abu Zahrah. (1976). *al-Jarimah wa al-'Uqubah fi al-Fiqh al-Islamiy*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Baltani, H. M. S. (t.th). *al-Ahwal al-Syakhsyiyah li al-Muslimin*. Mesir: t.pt.
- Al-Sabuni, M. A. (2007). *Rawa'i' al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam*. Kaherah: Dar al-Sabuni lil-Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'.
- 'Audah, A. Q. (1998). *al-Tasyri' al-Jina'i al-Islamiy Muqaranan bi al-Qanun al-Wad'i*. Jil. 1. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Bernama. (2018). 'Naikkan had umur minimum perkahwinan' - Sultan Selangor. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/09/373884/naikkan-had-umur-minimum-perkahwinan-sultan-selangor-metrotv>
- Bernama. (2018). Empat sebab utama perkahwinan kanak-kanak di Malaysia dikenal pasti. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/empat-sebab-utama-perkahwinan-kanakkanak-di-malaysia-dikenal-pasti-180903>
- Dewan Negeri Selangor. (2018). *Perkahwinan Bawah Umur di Selangor*. <http://dewan.selangor.gov.my/question/perkahwinan-bawah-umur-di-selangor/>
- Dewan Negeri Selangor. (2020). *Perkahwinan Bawah Umur*. <http://dewan.selangor.gov.my/question/perkahwinan-bawah-umur/>
- Angkashah, M. H. M. (2019). *Nikah Tanpa Izin Pengadilan Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Terengganu 2017 (Studi Kasus Di Daerah Kuala Terengganu, Negeri Terengganu, Malaysia)* [Tesis PhD, University Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh, Indonesia]. <https://repository.ar-raniry.ac.id/id/eprint/10945/>
- Hashim, H., Khan, I. N. G, Shukor, H. A. & Yusof, N. (2019). *Perkahwinan Bawah Umur Menurut Perspektif Undang-undang Jenayah Islam dan Undang-undang Sivil di Malaysia* Kertas Kerja dibentangkan dalam 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2019). <http://conference.kuis.edu.my/mfifc/images/E->

- Proceeding-2019/08-Kahwin bawah umur-Hasnizam Hashim.pdf
- Jiffar, S., Amran, S. N. M. E. & Zainuddin, M. Z. (2019). Had umur perkahwinan: Kedah setuju pinda, Kelantan kekal, Sabah cari jalan atasi. *BH Online*.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/631143/had-umur-perkahwinan-kedah-setuju-pinda-kelantan-kekal-sabah-cari>
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat. (2020). *Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur*.  
<https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Pelan%20Strategi%20Perkahwinan%20Bawah%20Umur/RINGKASAN%20EKS EKUTIF.pdf>
- Nik Wajis, N. R., Mochammad Sahid, M., Mohamad Yunus, M. I., & Baharli, N. S. (2020). Perkahwinan Kanak-Kanak Di Malaysia: Had Umur Minimum Dan Implikasinya: Children's Marriage In Malaysia: Minimum Age Limit And Its Implications. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 8(2), 15-30.  
<https://doi.org/10.33102/mjssl.vol8no2.252>
- Saidon, R., Adil, M. A. M., Sahri, M., Alias, B., Daud, N. M., & Murad, K. (2015). Developing a new model of underage marriage governance for Muslims in Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 23(4), 638–646
- Saim, N. J., Lejam, S., Abdullah, F. & Akhir, N. M. (2018). Perkahwinan Remaja: Satu Kajian di Kuching, Sarawak. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3).47-61
- SUHAKAM, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, (Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd, 2005), 5.
- UNICEF, (2012) The United Nations Convention on the Rights of the Child, 4; Malaysia Child Resource Institute, Laporan Mengenai Status Hak Kanak-kanak di Malaysia oleh Child Rights Coalition Malaysia.
- UNICEF. (2021). *Child Marriage*.  
<https://www.unicef.org/protection/child-marriage>
- UNICEF. (2021). *The Convention on the Rights of the Child: The children's version*.  
<https://www.unicef.org/child-rights-convention/convention-text-childrens-version>
- Zaini, S. M. (2018). Selangor negeri pertama pinda had umur perkahwinan. *BH Online*.  
<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/12/508025/Selangor-negeri-pertama-pinda-had-umur-perkahwinan>
- Statut
- Akta Kanak-kanak 2001
- Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2018
- Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003
- Perlembagaan Persekutuan